



MINIT MESYUARAT KURIKULUM PANITIA BAHASA INGGERIS
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) KAJANG
BIL. 1 TAHUN 2022/2023

Tarikh: 17 Mac 2022
Masa: 11.30pg – 12.30t/h
Tempat: Bilik Mesyuarat SJK(T) Kajang

KEHADIRAN

Bil	Nama	Jawatan
1	Pn.Bijieaetchumy	Guru Besar/Pengerusi
2	Pn Vanmathi	GPK Kurikulum
3	Pn.Sarathy	Penyelia Petang
4	Pn.W.Puspa	Ketua Panitia
5	Pn.Uvarani	Setiausaha Panitia
6	Pn. Prema	Guru Penolong
7	Pn.Tanjamal Wani	Guru Penolong
8	Pn. Renuga	Guru Penolong
9	Pn Kalaivani	Guru Penolong
10	Pn Hema	Guru Penolong
11	Pn Kavitha	Guru Penolong
12	Pn Geetha	Guru Penolong
13	Pn Poongavanam	Guru Penolong

TIDAK HADIR DENGAN KENYATAAN

Bil	Nama	Jawatan
1.	En.Singarayar	Guru Bahasa Inggeris (urusan koko)

TURUT HADIR

Bil	Nama	Jawatan
-----	------	---------

AGENDA MESYUARAT

1. UCAPAN ALUAN PENGERUSI, PN. BIJIEALETCHUMY

- 1.1 Ucapan salam dan Guru Besar mengalu-alukan kehadiran semua guru BI ke mesyuarat pertama bagi sesi persekolahan 2022.
- 1.2 Beliau berharap agar semua guru memberi pandangan dan idea yang bernas untuk meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah ini.
- 1.3 Beliau berharap guru-guru dapat merancang aktiviti panitia dengan teliti mengikut matapelajaran dan kehendak murid dan sekolah. Guru-guru harus mengenalpasti masalah murid dalam matapelajaran Bahasa Inggeris dan cara mengatasi masalah tersebut.
- 1.4 Beliau juga meminta guru-guru membincangkan Program Peningkatan Matapelajaran dalam panitia bagi meningkatkan keputusan penguasaan setiap murid dalam peperiksaan dan juga PBD/PBS.
- 1.5 Selain dari itu, semua guru BI diminta menjalankan PdPc yang lebih menarik untuk memupuk minat belajar terhadap Bahasa Inggeris di kalangan murid-murid.

Makluman: Semua guru BI

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT Bil.4/2021

- 2.1 Ketua Panitia membaca minit mesyuarat akhir bagi tahun 2021. Beliau membaca perkara-perkara yang telah dibincangkan dalam mesyuarat akhir tahun lepas sebagai persediaan menghadapi Tahun 2022.

Cadangan: Pn.Hema

Sokongan: Pn Pookavanam

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada

4. PERKARA YANG DIBINCANGKAN/ISU YANG DIBINCANGKAN

4.1 Rancangan Tahunan 2022/2023

- Ketua Panitia telah membaca aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan sepanjang tahun 2022 . Kesemua aktiviti ini telah dirancangan untuk murid-murid dan guru-guru. (Rujuk Lampiran)
- Setiap aktiviti telah dibincangkan dengan teliti. Ketua Panitia meminta guru-guru untuk menyediakan kertas kerja awal sebelum program-program dijalankan.

Makluman: Semua guru BI

4.2 Program Peningkatan Akademik

- 4.2.1 Program Bacaan
- akan dijalankan selama 5 minit semasa Pdpc di dalam bilik darjah. Berfokus Kepada murid-murid lemah penguasaan tahap Bahasa Inggeris. Bahan bacaan perlu selaras dengan tahap penguasaan murid-murid.

*Makluman: Semua guru BI
Tindakan : Semua guru BI*

- 4.2.3 1 bulan 4 penulisan
- murid-murid akan membuat latihan penulisan cerita atau karangan berformat sekurang-kurangnya satu bagi seminggu untuk mempertingkatkan penguasaan menulis di kalangan murid-murid Tahun 5 dan 6.

Makluman: Guru BI Thn 6

4.3 Aktiviti Ko-Akademik Bahasa

- Pertandingan Ko-akademik peringkat sekolah akan diadakan untuk pemilihan murid ke Pertandingan Karnival Bahasa Inggeris Peringkat Daerah.
- Terdapat 5 pertandingan yang akan dijalankan di peringkat sekolah untuk mewakili sekolah ke peringkat daerah.

- Story Telling
- Public Speaking
- Poem Recitation
- Essay Writing
- Poetry Writing

- Taklimat susulan akan diadakan setelah mendapat surat hebahan dari pihak JPNS/PPD

Makluman: Semua Guru BI

4.4 Rekod Perkembangan Murid (PBD dan PBS)

- Penilaian PBD bagi KSSR mesti dibuat 2 kali setahun iaitu dalam bulan Jun dan Oktober. Tarikh hendaklah pada hari terakhir bagi bulan tersebut. KP BI akan membuat analisa keseluruhan PBD.
- Guru- guru juga diminta untuk mengisi template pelaporan PBD bagi Tahun 1-6.
- Guru-guru yang mengajar Tahun 1 – 6, perlu menyediakan borang pentaksiran PBD dan perlu simpan dan mengambil rekod pada setiap pdpc BI.
- Pelaksanaan pentaksiran PBD perlu dijalankan di setiap kelas yang diajar.

Makluman: Semua guru BI

4.5 Mesyuarat Panitia

- akan diadakan empat kali setahun. Semua guru Bahasa Inggeris diwajibkan hadir ke semua mesyuarat tersebut.

Makluman: Semua Guru BI

4.6 Penetapan buku latihan dan buku aktiviti

- I) Tahap 1 – Tahun 1 , 2 & 3
 - 2 buku nota kecil
 - 1 buku aktiviti

- II) Tahap 2 – Tahun 4 , 5 & 6
 - 2 buku log
 - 1 buku aktiviti PBD
 - 1 buku aktiviti grammar

Makluman: Semua guru BI

- Semua buku nota dan buku log haruslah mempunyai sticker oren di atas muka hadapan. Ini akan menyenangkan murid untuk mengenalpasti buku latihan Bahasa Inggeris.

Tindakan: Semua guru BI

4.7 Pencerapan dan semakan buku nota/log dan buku aktiviti

- akan dijalankan mengikut takwim yang disediakan oleh pentadbir sekolah.
- guru-guru perlu menanda buku aktiviti dan buku nota/log murid-murid dalam tempoh 2 hari.

Makluman: Semua guru BI

Tindakan: Semua guru BI

4.8 Penyediaan kertas soalan ujian bulanan dan peperiksaan .

- Guru-guru diminta menyediakan kertas soalan mengikut jadual yang disediakan.
- Kertas soalan haruslah mempunyai JSU dan skema jawapan.
- Jadual penggubal item ujian dan peperiksaan akan diselaraskan oleh pihak pentadbir.

Tahun 1, 2 & 3	-	Tiada ujian/peperiksaan Hanya akan menjalankan pentaksiran berasaskan Pembelajaran Bilik Darjah
Tahun 4,5,6	-	Kertas pemahaman dan penulisan

- Sebelum menyediakan kertas soalan, guru-guru haruslah membincangkan topik yang perlu diuji dan kertas soalan harus mempunyai soalan-soalan aras rendah , sederhana dan tinggi.
- Selepas ujian, guru-guru harus menyediakan item analisis serta tindakan susulan bagi setiap kelas yang diajar.
- Bengkel penyelarasan markah akan diadakan selepas setiap ujian dan peperiksaan.

- Bengkel penandaan kertas akan diadakan mengikut keperluan serta kesesuaian.

Tindakan: Semua guru BI

4.9 DSKP semakan baru bagi Tahun 6

- hendaklah dicetak dan guru-guru Tahun 6 perlu menyimpan bersama semasa PdPc di dalam kelas.

Makluman: Guru Tahun 6

4.10 Pemantauan PdP

- akan diadakan mengikut takwim yang disediakan oleh pihak pentadbir. Maka semua guru BI diminta bersedia mengikut jadual pemantauan yang disediakan.

Makluman: Semua guru BI

4.11 DLP (Dual Language Programme)

- Program DLP akan dijalankan untuk matapelajaran Sains dan Matematik bagi Tahun 1 - 6 dimana kedua-dua matapelajaran ini akan diajar dalam Bahasa Inggeris.
- Maka guru-guru Bahasa Inggeris diminta membimbing guru-guru Sains dan Matematik sekiranya mereka memerlukan sebarang bantuan atau kaedah dalam proses pengajaran serta penyediaan kertas soalan .

Tindakan: Semua guru BI

4.12 Peruntukan Kewangan Panitia (PCG)

- Jumlah peruntukan : RM1427.58
- Baki setelah membeli FUN LEARNING BOOK : RM703.85
- Ketetapan nisbah perbelanjaan

60%	-	Sumber Pendidikan Peralatan BBM/ABM
20%	-	Program Peningkatan Akademik
20%	-	Program Pendidikan (Ceramah/seminar/penceramah)

- Peruntukan ini adalah hanya untuk murid-murid

-Prosedur urusan kewangan

- Kertas kerja/cadangan (ikut format)
- Kelulusan GB – nota minta untuk pre-order
- Pembekal dipanggil untuk invois
- Satu belian – mesti ada 3 supplier (quotation)
 - pilih yang terbaik
- Pembayaran – cek – semua PK ada kuasa untuk tandatangan cek

-Cadangan untuk membeli :

- | | | | |
|----|------------------|---|--|
| a) | speakers | - | 10 |
| b) | Signboards | - | 20 (similes, proverbs, collective nouns) |
| c) | Radio | - | 2 |
| d) | Laminating Films | - | 4 rims |

4.13 PLC (Professional Learning Community)

- akan diadakan pada setiap minggu ke-2 setiap bulan untuk berbincang serta berkongsi isu/masalah pembelajaran murid, idea, ilmu serta pandangan berkaitan PdP.

Makluman: Semua Guru BI

4.14 Rekod Pembacaan

- Semua guru BI diminta mengambil rekod tahap penguasaan murid dalam bacaan mengikut alphabets, word and phrase levels dalam 2 hingga 3 minggu pertama selepas sesi persekolahan dimulakan.
- Guru-guru juga diminta membuat pelan intervensi bagi murid-murid yang lemah dalam bacaan khususnya murid-murid tahap 1.

Tindakan: Semua guru BI

4.15 Rekod Pengajaran Harian (Lesson Plan)

- Template Rancangan pengajaran harian TS 25 telah disediakan oleh Ketua Panitia, Pn Puspa bagi Tahun 1-6
- Semua guru BI diminta mengikut format penulisan rancangan harian yang betul dan telah dibincangkan dalam mesyuarat panitia.
- Penulisan rancangan pengajaran harian bagi Tahun 1-6 (CEFR) telah pun dijelaskan dan diselaraskan semasa mesyuarat.
- Guru-guru perlu teliti semasa membuat penulisan RPH. Set induksi merupakan elemen penting yang perlu ditulis pada awal penulisan.
- Guru-guru diminta menulis sekurang-kurangnya 3 hingga 5 aktiviti yang berkesesuaian dengan murid-murid yang melibatkan PAK21, I-Think dan Kbat.
- Guru-guru juga perlu memastikan activity pengayaan dan pemulihan diadakan semasa sesi PdPc.
- Pastikan penulisan objektif pembelajaran (OP) dan kriteria kejayaan adalah bertepatan dengan standard pembelajaran.
 - Template penulisan E-RPH telah dibeli oleh pihak sekolah bagi memudahkan penyediaan RPH yang mudah dan tepat. Template E-Rph ini masih dalam proses penambahbaikan. Ia akan berkuatkuasa mulai bulan April.

Tindakan: Semua guru BI

4.16 pelaksanaan Catch Up Plan 3

- melaksanakan program berfokus kepada murid TP 1 hingga TP 3 pada sesi persekolahan 2021/2022 agar murid bersedia untuk mengikuti kurikulum persekolahan bagi calender akademik 2022/2023.
- Guru subjek perlu menganalisis data catch plan 2. Ini bagi mengenal pasti murid yang

- memperolehi TP 1,2 dan 3.
- Selepas mengenal pasti murid yang memperolehi TP1,2 dan 3, guru harus merancang aktiviti yang sesuai bagi murid yang telah dikenal pasti bersama guru matapelajaran, panitia bahasa Inggeris.
- sebagai tindakan susulan panitia harus menentukan strategi,aktiviti, tempoh masa,guru pleaksana dan murid berjalan dengan lancar.
- Bagi memastikan jaminana kualiti PBD dilaksanakan secara berterusan panitia harus menyediakan CUP 3 di peringkat sekolah.

Tindakan: Semua guru BI

4.17 Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT)

- Guru yang bertanggungjawab perlu menyediakan RPT berdasarkan DSKP (Dokumen Kurikulum KSSR 2.0)
- Semua guru diingatkan untuk meletakkan minggu pembelajaran mengikut takwim persekolahan.

Tindakan: Semua Guru BI

- Penyediaan RPT 2022/2023

Tahun 1	-	Pn Poonga
Tahun 2	-	Pn Geetha
Tahun 3	-	Pn Uvarani
Tahun 4	-	Pn Prema
Tahun 5	-	Pn Tanjamalwani
Tahun 6	-	Pn Hema

- Semua guru BI diminta menyimpan RPT mengikut Tahun yang diajar masing-masing mengikut tarikh tahun semasa.
- Ketua panitia juga meminta semua guru BI supaya meneliti setiap kemahiran yang tertera dalam DSKP dan mengaplikasikannya dalam Pdpc bagi sepanjang tahun.

Tindakan: Semua guru BI

4.17 Jumlah Latihan

- Penulisan : 1 bulan 4 penulisan (Tahun 5 dan 6)
 - Murid-murid lemah akan menulis ayat-ayat yang kecil (simple sentences)
- Pemahaman : 2 latihan seminggu

- Akan dimulakan selepas minggu ke-4 sesi persekolahan

Tindakan: Guru BI Thp 2

5.0 HAL-HAL LAIN

5.1 Sudut Panitia Bahasa Inggeris

Ketua Panitia meminta agar semua guru mengambil giliran untuk mengemaskini Sudut Panitia BI dari masa ke masa.

Tindakan: Semua guru BI

5.2 Jadual waktu dan Biodata

Semua guru diminta menyerahkan satu salinan jadual waktu persendirian serta biodata yang terkini.

Tindakan : Semua guru BI

5.3 Stok BBM/ABM

- Stor di kelas 6UPM telah diberikan untuk menyimpan bahan- bahan BBM dan ABM dengan selamat.
- Guru-guru diminta menggunakan bahan BBM & ABM dengan sewajarnya.

Makluman: Semua guru BI

5.4 MBMMBI

- Segala laporan bengkel dan aktiviti panitia perlu direkodkan dalam fail MBMMBI.

6.0 PENANGGUHAN MESYUARAT .

- Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00tgh.
- Ucapan terima kasih oleh Ketua Panitia kepada semua guru yang dihadiri untuk mesyuarat.

Disediakan oleh:

Setiausaha Panitia Bahasa Inggeris

Bertarikh: 17 Mac 2022

Panitia bahasa inggeris/Minit Mesyuarat Bil 17 Mac 2022